



06 SEP, 2025

PETRA buka bidaan ENEGEM 2025

Berita Harian, Malaysia



PETRA buka bidaan ENEGEM 2025

Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) mempelawa pihak yang berminat serta memiliki lesen penjanaan, peruncitan atau pemborongan elektrik di Singapura untuk menyertai bidaan ENEGEM 2025 yang membolehkan pembelian elektrik hijau dari Malaysia.

Dalam kenyataan, PETRA memaklumkan pendaftaran boleh dibuat melalui laman sesawang *Single Buyer* bermula 8 September 2025, manakala maklumat lanjut boleh dirujuk di laman rasmi PETRA, Suruhanjaya Tenaga dan *Single Buyer*.

ENEGEM merupakan platform perdagangan elektrik hijau merentas sempadan yang dibangunkan PETRA sejak 15 April 2024, berpandukan garis panduan Guide for Cross-Border Electricity Sales (CBES).

Setakat ini, urus niaga perdagangan tenaga hijau dengan kapasiti sehingga 50 megawatt (MW) telah dilaksanakan sejak 13 Disember 2024.

"PETRA yakin bidaan melalui platform ENEGEM akan memperkukuh kerangka kerja pembekalan elektrik merentas sempadan. Pada masa sama, ia membuka peluang pembangunan serta usaha sama lebih meluas dalam sektor tenaga hijau melalui perdagangan rentas sempadan ASEAN, sejajar teras kesejahteraan dan kemapanan Malaysia MADANI," katanya.

BERNAMA